

03 JAN 1997

SOROTAN AKHIR TAHUN: KE ARAH MENJADI NEGARA PERDAGANGAN LEBIH BESAR

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Malaysia yang telahpun merupakan sebuah daripada negara dagangan terkemuka di dunia memang tidak boleh dinafikan.

Banyak daripada barangan kilang seperti chip komputer, komoditi-komoditi seperti petroleum dan barangan pertanian seperti minyak sawit mendapat permintaan yang tinggi di seluruh dunia.

Memandangkan bahawa perdagangan adalah tenaga bagi ekonomi sesebuah negara, pelbagai program telah digerakkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan yang lebih besar lagi.

Mutu barangan Malaysia yang kian meningkat di pasaran-pasaran antarabangsa telah menyumbangkan kepada daya pasaran mereka dan kemunculan pasaran khusus bagi barangan seumpamanya.

Di samping permintaan yang meningkat bagi pelbagai jenis barangan Malaysia, penampilan di peringkat antarabangsa perdagangan negara ini telah disebabkan sebahagian besarnya oleh usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kadangkala dikenali sebagai "Jurujual nombor satu Malaysia" dan Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), dan para pegawai beliau di MITI.

Di beberapa forum antarabangsa, termasuk Sidang Kemuncak Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasific (APEC) dan mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia, Dr Mahathir dan Rafidah sering meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pendirian Malaysia dan pendirian negara-negara sedang membangun lain.

Para pemimpin negara itu tidak berpeluk tubuh tetapi sentiasa merancang untuk perkara-perkara yang lebih baik di masa akan datang, terutamanya dengan pelancaran Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2) berusia 10 tahun pada 1996.

Tumpuan-tumpuan dan galakan-galakan yang meningkat bagi sektor perkhidmatan untuk memainkan peranan saling melengkapi sektor pembuatan negara adalah satu lagi strategi untuk menukar Malaysia menjadi negara perdagangan yang lebih besar.

Para penganalisis berkata bahawa pelancaran PIP2 dijangka memberikan sokongan untuk tumpuan yang lebih besar di dalam pasaran eksport Malaysia.

Dr Mahathir, di dalam perutusannya pada pelancaran PIP2 berkata, "kemampuan tumpuan perindustrian Malaysian adalah amat bergantung kepada kemampuan mempertingkatkan dengan berterusan mutu barangan dan perkhidmatan kita."

Mutu adalah penting kepada produktiviti dan daya persaingan, tegas Perdana Menteri, sambil menambah bahawa ia haruslah menjadi senjata tajam pada masa akan datang.

Dengan itu usaha-usaha hendaklah dilipat gandakan untuk menggalakkan Malaysia sebagai pengeluar barangan dan perkhidmatan bermutu secara global.

Rafidah, dalam mengulas mengenai PIP2, berkata ia menekankan pentingnya keperluan asas ekonomi yang dipertingkatkan dan juga mengujudkan syarikat-syarikat pengeluaran Malaysia yang berorientasikan eksport yang bukan sahaja menyokong pembangunan industri tempatan tetapi juga memupuk industri berorientasi eksport.

Paul Low, presiden Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, berkata PIP2 akan memberikan para pengeluar tempatan tumpuan yang tepat dan wawasan yang betul.

Katanya PIP2 adalah satu dokumen yang menyeluruh, sambil menambah

bahawa ia akan meletakkan sektor pembuatan tempatan ke arah menjadi lebih cekap, lebih kompetitif dan lebih bersedia.

"Kita berkebolehan dalam sektor pembuatan, terutamanya aktiviti kilang pemasangan. Tetapi apa yang kita tidak ada ialah nilai ditambah dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, inovasi dan pemasaran," katanya.

Dalam hal ini, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) telah merintis jalan dengan memperolehi Lotus Group International dari United Kingdom, sebuah syarikat terkemuka kerana usaha-usahanya di dalam R&D.

Iain Bell, pengarah urusan Frank Small and Associates Malaysia, sebuah firma penyelidikan pemasaran, berkata lebih banyak syarikat kini melihat kepada Malaysia, terutamanya dengan pertumbuhan ekonomi tinggi yang mapan untuk hampir satu dekad.

"Lebih banyak syarikat meletakkan Malaysia di dalam senarai beli-belah mereka," katanya. "Kami mendapat banyak pertanyaan mengenai syarikat-syarikat yang mahu mengurusniaga di Malaysia dan dengan para usahawan Malaysia."

Bell berkata semua perkembangan itu memberi harapan baik bagi negara dan ini adalah disebabkan usaha promosi yang tidak mengenal jerih yang diambil di beberapa pihak.

Mengenai prestasi dagangan luar Malaysia pada 1996, ia dijangka meningkat dengan ketaranya berbanding prestasi tahun 1995 apabila negara menanggung defisit perdagangan sebanyak RM9.358 bilion.

Pada 1994, Malaysia menanggung defisit sebanyak RM2.0 bilion daripada lebihan sebanyak RM3.833 bilion pada 1993.

Para penganalisis berpendapat bahawa jika terdapat defisit pada 1996, ia adalah kecil. Tetapi mungkin juga terdapat lebihan yang kecil jika petunjuk-petunjuk 10 bulan pertama dijadikan ukuran.

Pada Januari hingga Oktober 1996, terdapat defisit sebanyak RM954 juta apabila dibandingkan dengan lebihan besar sebanyak RM9.956 bilion pada tempoh yang sama tahun 1995.

Eksport Malaysia semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu. Daripada RM121.238 bilion pada 1993, ia meningkat kepada RM163.921 bilion pada 1994 dan RM184.986 bilion tahun 1995.

Dalam 10 bulan pertama 1996, eksport berjumlah RM163.089 bilion, menurut data awal daripada jabatan perangkaan.

Barangan eksport utama Malaysia adalah injap-injap dan tiub-tiub termionik, yang mempunyai kandungan import yang amat tinggi, berjumlah RM29.760 bilion atau 18.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport.

Minyak sawit adalah sumber pendapatan kedua terbesar sebanyak RM7.711 bilion dalam 10 bulan pertama tahun 1996, yang menyumbang sebanyak 4.7 peratus daripada nilai eksport, diikuti oleh petroleum mentah sebanyak RM5.849 bilion (3.6 peratus).

Eksport pakaian Malaysia bernilai RM4.855 bilion (3.0 peratus), gas asli cecair RM2.948 bilion (2.2 peratus) dan balak bergergaji RM1.844 bilion (1.1 peratus).

Barangan kilang dan bahan lain bernilai RM24.875 bilion (15.3 peratus) dalam tempoh kajian berkenaan. -- BERNAMA

SHY OS MA